

Bil. S 21

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (KANUN HUKUMAN JENAYAH) (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Kanun Hukuman Jenayah) (Pindaan), 1999.

Pemasukan bab 294A baru ke dalam Penggal 22. 2. Kanun Hukuman Jenayah adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 294 –

“Melepak atau mencari pelanggan untuk tujuan pelacuran dll. 294A. Barangsiapa melepak atau mencari pelanggan di mana-mana tempat untuk tujuan pelacuran atau untuk sebarang tujuan tidak bermoral yang lain adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan suatu denda yang tidak kurang dari \$500 dan tidak lebih dari \$5,000 dan dihukum penjara sehingga satu tahun, dan dalam hal penyabitian kesalahan kedua atau berikutnya, dengan suatu denda yang tidak kurang dari \$1,000 dan tidak lebih dari \$10,000 dan dihukum penjara sehingga 3 tahun.”.

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 21 haribulan April, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM